# Icon 2.8EC®

syngenta

PEKATAN TEREMULSI (EC)
INSECTICIDE / RACUN SERANGGA / 殺蟲劑

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA**

| | |
|---|---|
| **Perawis Aktif : lambda-cyhalothrin** .................. | **2.8% w/w** |
| **Perawis Lengai :** .............................................. | **97.2% w/w** |

***No. Pendaftaran : LRMP. R1/3436*** *Tarikh Mengilang :*

*Didaftarkan oleh :*
***Syngenta Crop Protection Sdn Bhd*** *(437832-V)*
*MR1-02-02, Sri Acappella Commercial Annex,*
*No. 1, Jalan Lompat Tinggi 13/33, Seksyen 13,*
*40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.*
*Tel.: 03-5510 9878*
*Talian Kecemasan: 1-800-806-294*
*E-mel: crm.support@syngenta.com*

**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi:
**PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)**
**- 012-4309499 (lepas waktu pejabat)**

*Kandungan Bersih :* 1 liter

**BERBAHAYA**
JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK

**KELAS III**

**Icon 2.8EC®** ialah racun serangga daripada kumpulan pyrethroid yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut. Ia sesuai digunakan bagi mengawal nyamuk, lalat, semut dan lipas di luar dan dalam bangunan serta kawasan perumahan.

**ATURAN PENGGUNAAN:**

**Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.**

| KAEDAH RAWATAN | SERANGGA PEROSAK | KADAR | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | Campuran Racun | Isi Padu Semburan | |
| 1) Semburan 'Residual' luar dan dalam bangunan dengan menggunakan alat penyembur tekanan (compression sprayer) | Nyamuk (*Anopheles* sp.) Lalat (*Musca domestica*) Semut (*Componotus* sp.) Lipas (*Blatella germanica*) | 20 ml/ liter air | 40 ml/ meter persegi | Sembur pada permukaan lantai dan dinding di mana serangga sering berkeliaran serta rekahan/ lubang tempat pembiakan atau persembunyian. |
| 2) Semburan Ruang<br>a) Pengabutan Therma<br>- Mesin Tangan | Nyamuk (*Anopheles* sp.) (*Aedes* sp.) Lalat (*Musca domestica*) | 20 - 40 ml/ liter minyak tanah atau diesel | 2 liter/ hektar | Gunakan kadar racun yang tinggi jika populasi serangga perosak adalah tinggi. |
| - Mesin berkenderaan | | 8 - 16 ml/ liter minyak tanah atau diesel | 5 liter/ hektar | |
| b) Pengabutan Sejuk<br>- Penyemburan isi padu ultra rendah (ULV) | | 80 - 160 ml/ liter air atau diesel | 0.5 liter/ hektar | |
| 3) Semburan Biasa (Penyembur Galas) | Jejentik (*Anopheles* sp.) | 4 ml/ liter air | 100 liter/ hektar | Sembur pada kawasan bertakung air. |

Buka di sini untuk keterangan lanjut

Product names marked ® or ™, the ALLIANCE FRAME the SYNGENTA Logo and the PURPOSE ICON are Trademarks of a Syngenta Group Company

Ed. Sept. 2011 MY5091100

**BERBAHAYA**
JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK

**KELAS III**

**HARMFUL**
KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN

**Panduan Membancuh:** Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan Icon 2.8EC secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi dari yang disyorkan.

**Panduan Menyembur:** Untuk kesan yang baik, rawatan hendaklah dibuat pada waktu terbit fajar atau senja di mana suhu di sekeliling tidak melebihi 30°C dan angin tidak bertiup kencang. Untuk kawalan jangkamasa panjang, semburan racun serangga hendaklah dijalankan bersama dengan kebersihan kawasan pembiakan melalui pemungutan sampah dan mengurangkan tempat pembiakan serangga. Semburan hendaklah dibuat pada **5 - 10 hari** sekali pada peringkat permulaan. Selepas itu, kekerapan semburan boleh dikurangkan untuk menjaga populasi serangga pada tahap yang boleh diterima. Jangan sembur pada/ berhampiran dengan makanan/ tempat penyediaan makanan termasuk makanan binatang.

**AWAS:**

a) Bahaya Kepada Manusia:

Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena pada kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan basuh badan sebersih-bersihnya dengan sabun dan air. Tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci tangan dan alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya.

Pakaian dan Alat Perlindungan:

Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, penutup muka dan alat pernafasan (respirator) supaya tidak terhidu kabus semburan. Perlu pakai pelindung mata apabila menyembur di paras melebihi ketinggian kepala.

b) Bahaya Pada Alam Sekitar:

Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik. Jangan cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

**TANDA KERACUNAN:** Mual, muntah, sakit perut dan cirit-birit. Di dalam kes yang serius terdapat gangguan saraf pusat.

**RAWATAN KECEMASAN:** Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, jangan ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**RAWATAN PERUBATAN:** Jika tertelan, lakukan gaster dengan berhati-hati untuk mencegah penyedutan. Rawatan hendaklah mengikut tanda sakit.

**MEDICAL TREATMENT:** If swallowed, perform gastric lavage with care to prevent aspiration. Treatment is symptomatic.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

**有害品**
勿貯藏在靠近食品
或兒童所接觸的地方

**KELAS III**

**தீங்கிழைப்பது**
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதீர்

**BERBAHAYA**
JAUHKAN DARIPADA MAKANAN
DAN KANAK-KANAK

**KELAS III**

**HARMFUL**
KEEP AWAY FROM FOODSTUFF
AND CHILDREN